



Rujukan Kami : UPM.BUR.100-1/6/3B(18)

Tarikh : 29 November 2021

PEKELILING BURSAR BIL. 7 TAHUN 2021

PEKELILING KERAIAN RASMI DAN HADIAH SAGUHATI PERTANDINGAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Universiti Putra Malaysia (UPM) mengenai pemakaian dengan pindaan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia – WP5 Majlis Rasmi Kerajaan seperti berikut:

- 1.1. Peraturan Mengenai Keraian Rasmi;
- 1.2. Peraturan Mengenai Perbelanjaan Untuk Meraikan Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Bersara;
- 1.3. Peraturan Mengenai Perbelanjaan Sambutan Hari Inovasi; dan
- 1.4. Hadiah saguhati pertandingan selain sambutan hari inoasi

LATAR BELAKANG

2. Pekeliling ini dikeluarkan sebagai panduan pengurusan perbelanjaan keraian rasmi dan hadiah pertandingan yang diadakan di Universiti Putra Malaysia supaya perolehan dan pembayaran dikendalikan dengan teratur.

3. Selaras dengan itu, Lembaga Pengarah Universiti (LPU) melalui mesyuarat ke 159 pada 12 Oktober 2021 (minit 159/11) telah meluluskan pemakaian secara pindaan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia yang

berkaitan perbelanjaan keraian. Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) melalui mesyuarat ke 2/2021 pada 13 September 2021 (minit 8/2(2021)) telah meluluskan kadar bagi keraian dan hadiah pertandingan.

PERATURAN MENGENAI KERAIAN RASMI

4. Tafsiran melainkan sesuatu itu jelas maksudnya di dalam pekeliling ini tafsiran di bawah ini hendaklah diikuti:

- 4.1. “Keraian Rasmi” bermakna jamuan yang diadakan semasa penganjuran aktiviti/ program rasmi Kementerian/ Jabatan yang menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan;
- 4.2. “Jemputan luar” bermakna wakil Kementerian/ Jabatan serta wakil agensi luar yang dijemput untuk menghadiri sesuatu mesyuarat berkaitan tugas rasmi Kerajaan;
- 4.3. “Jamuan ringan” bermakna minum pagi atau minum petang;
- 4.4. “Mesyuarat” bermakna sesuatu perbincangan atau seumpamanya yang diadakan berkaitan urusan rasmi Kerajaan; dan
- 4.5. “Mesyuarat Pengurusan Tertinggi” bermakna mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah/Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan dianggotai oleh ahli Lembaga Pengarah/Jawatankuasa Pengurusan Universiti.

5. Peraturan lengkap berkenaan keraian rasmi adalah seperti **Lampiran 1**.

PERATURAN MENGENAI PERBELANJAAN UNTUK MERAIKAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG BERSARA

6. Pegawai universiti yang bersara diraikan di dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sekali dalam setahun. Pejabat Pendaftar merupakan

peneraju bagi majlis anugerah ini di mana jemputan kepada pegawai yang telah bersara akan dibuat oleh pejabat ini.

7. Peraturan lengkap mengenai perbelanjaan ini adalah seperti **Lampiran 2.**

PERATURAN MENGENAI PERBELANJAAN SAMBUTAN HARI INOVASI

8. Sambutan Hari Inovasi di UPM diadakan setiap tahun dan terdapat empat (4) kategori anugerah/hadiah yang dianjurkan pada HKIP iaitu kategori anugerah keseluruhan, anugerah utama, anugerah lain dan hadiah.

9. Peraturan lengkap mengenai perbelanjaan ini adalah seperti **Lampiran 3.**

PERATURAN MENGENAI PERBELANJAAN PERTANDINGAN SELAIN HARI INOVASI

10. Dengan mengambilkira UPM merupakan sebuah entiti pengajian tinggi dan terdapat pelbagai pertandingan melibatkan pelajar dan staf, cadangan kadar hadiah pertandingan lain (selain HKIP) adalah seperti **Lampiran 4.**

PEMATUHAN KEPADA PEKELILING

11. Semua PTJ adalah bertanggungjawab untuk mematuhi tatacara perbelanjaan kerajaan dan pemberian hadiah pertandingan yang dinyatakan di dalam pekeliling ini. Pegawai Pengawal dan pegawai awam yang tidak mematuhi peraturan ini boleh diambil tindakan tatatertib/surcaj.

PEMAKAIAN DAN KUAT KUASA PEKELILING


12. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai 12 Oktober 2021. Sebarang pertanyaan berkenaan Pekeliling ini boleh dikemukakan kepada Bahagian Kewangan Pembangunan, Pejabat Bursar di talian **03-9769 6203** dan Bahagian Kewangan Kemudahan Staf, Pejabat Bursar di talian **03-9769 6210**.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERILMU BERBAKTI”

Saya yang menjalankan amanah,



IZARIAHWATI BINTI MOHD ISA
Timbalan Bendahari Kanan
(Menjalankan Fungsi Bursar)
Universiti Putra Malaysia

Dikemaskini pada 1 April 2022

Edaran:

Semua Ketua
Pusat Tanggungjawab
Universiti Putra Malaysia
SERDANG/BINTULU/PORT DICKSON